

Lelaki tumbuk muka abang kandung dipenjara 10 bulan

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini menjatuhkan hukuman penjara 10 bulan terhadap seorang lelaki yang menumbuk muka abang kandungnya setelah berang tidak dibenarkan memandu kereta kerana tidak mempunyai lesen memandu.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Mubin Abdul Manaf, 30, yang mengaku bersalah di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama.

Dia didakwa dengan sengaja mencederakan abang kandungnya yang berusia 47 tahun dengan cara menumbuk muka mangsa dalam satu kejadian sekitar jam 9.20 pagi di sebuah rumah di Kampung Tupong Tengah, Jalan Astana di sini pada 23 September lalu.

Fakta kes mendedahkan berlaku pertengkaran antara

dua beradik tersebut pada hari kejadian setelah mangsa serta ahli keluarga lain melarang tertuduh daripada menggunakan kereta milik bapa mereka kerana tertuduh tidak mempunyai lesen memandu.

Keadaan ini menyebabkan tertuduh mengamuk dan bertindak memukul mangsa di bahagian muka sehingga dia mengalami luka di dagu.

Mangsa juga merasakan tertuduh berada di bawah pengaruh dadah.

Khuatir akan keselamatan diri serta keluarga, mangsa membuat laporan polis dan ini membawa kepada penangkapan tertuduh pada keesokan harinya (24 September 2025) sekitar jam 12 tengah hari.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.